

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ  
SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Program MyBrain15 yang diumumkan diteruskan menggunakan pakai kaedah perlaksanaan seperti sebelum ini atau kaedah baharu. Bilakah permohonan baharu akan dibuka oleh Kementerian dan target bilangan permohonan mengikut kategori, iaitu pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program MyBrain15 telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sepanjang tempoh tersebut, Program MyBrain15 telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar untuk mengikuti program di peringkat pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut, sehingga 8 Disember 2020, seramai 31,725 atau 55.75 peratus graduan telah berjaya menamatkan pengajian pasca siswazah.

Kajian Impak MyBrain (2011 – 2015) yang dilaksanakan oleh Majlis Dekan Pengajian Siswazah UA mendapati bahawa program ini telah memberikan impak yang positif serta signifikan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan, perkembangan kerjaya dan peningkatan taraf hidup mereka. Berdasarkan situasi ini, KPT telah mencadangkan supaya Program MyBrain15 ini dijadikan sebagai satu daripada program berimpak tinggi KPT di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12, 2021 – 2025). KPT masih dalam perbincangan dengan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) agar cadangan ini dapat dipertimbangkan pelaksanaannya dalam Rolling Plan Kedua RMKe-12.

Sekian, terima kasih.